



BULAN BAHASA KEBANGSAAN



LATAR BELAKANG

Bermula dengan panggilan Minggu Bahasa Kebangsaan dan Bulan Bahasa Kebangsaan sepanjang dekad 60-an. Kempen ini telah melalui perubahan pelbagai nama seperti Gerakan Cintailah Bahasa Kita (GCBK) (1987-1996), Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta (GBKSS) (1996-2005) dan Minggu Sastera (1987-1998). Akhirnya pada tahun 1999, gerakan ini dinamakan Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN).

Program BBSN yang pertama telah dilancarkan pada tahun 1999 oleh YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu.

Pada tahun 2009, bersesuaian dengan matlamat pelaksanaannya, BBSN telah dikenali dengan nama Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK)

Tujuan Utama

- Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) bertujuan untuk memantapkan, memperkukuh dan mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia.
- Menguatkan rasa megah terhadap bahasa kebangsaan.
- Mengeratkan dan memperkukuh perpaduan bangsa melalui bahasa kebangsaan.
- Menyemarakkan peranan bahasa kebangsaan sebagai tonggak pembinaan negara bangsa.



MAKSUD LOGO

Keseluruhan konsep logo menggambarkan peranan rakyat pelbagai bangsa di dalam negara bagi membentuk perpaduan di dalam konsep satu Malaysia "BBK" menjadikan tonggak kecemerlangan negara berasaskan pembangunan yang berteraskan bahasa sebagai wadah.

HURUF "B"

Huruf "B" yang direka secara grafik dan dinamik sekilas pandang berbentuk "B" bererti "Bulan" dan "Bahasa Kebangsaan" di hujung pena menjadi tunjang pada huruf "B". Ia sinonim dengan DBP sebagai sumber ilmu dan juga dataran untuk menyampaikan dan memacukan visi dan misi DBP yang merupakan matlamat bahasa dan sastera yang akan direalisasikan oleh "B".

BENTUK DUNIA BERPUSING DAN BENDERA MALAYSIA

"Bendera Malaysia" secara grafik terdiri daripada pelbagai warna membentuk dunia berpusing tanpa had menggambarkan arah tuju untuk mencapai matlamat masa depan "B" yang cemerlang.

Dunia berpusing menjadi latar belakang logo melambangkan tema perpaduan serta menitikberatkan cinta bahasa dan negara. Ia juga menunjukkan semua kaum yang sentiasa dipupuk dan dipastikan perpaduan, keharmonian kaum terpelihara untuk menjamin masa depan yang lebih gemilang. Ia memberi penyatuan kepada tiga bangsa utama di Malaysia, hidup penuh muafakat, bekerjasama demi memajukan negara.

Lingkar tiga jalur merah putih pada bendera Malaysia merupakan kegiatan-kegiatan "BBK" yang meliputi pelbagai bidang ilmu dan bahasa.

DAUN RESAM DBP

Daun resam DBP yang terdapat pada logo korporat menterjemahkan bahasa menjadi bumbung logo. Ia juga sumber dalam memperkembangkan bahasa dalam era globalisasi terpusat di atas logo ini sebagai nadi utama "BBK".

PENA DARI HURUF "B"

Pena yang terletak di penghujung huruf "B" menggambarkan matlamat yang dituju dalam "BBK". Di samping itu ia juga mencerminkan kegiatan bahasa dan sastera.

WARNA

MERAH DAN PUTIH

Merah dan putih menggambarkan semangat rakyat Malaysia untuk mencapai kegemilangan dan juga menjadi simbol wawasan satu Malaysia yang suci dan ikhlas.

KUNING

Kuning mengekalkan sistem raja berpelembagaan dan menjunjung luhur kedaulatan Negara serta menjadi simbol kegiatan "BBK" ke arah kegemilangan.

BIRU

Biru bermaksud kestabilan, bersatu hati dan hidup sejahtera untuk mencapai matlamat "BBK" bersama pelbagai kaum dalam negara.

HIJAU

Hijau melambangkan keterampilan dan kegiatan berwibawa dalam mengembangkan bahasa yang sentiasa subur ke persada dunia.

Pereka:

Kemaskini pada 2017-08-17 00:50:11 daripada Pentadbir Sistem

KAJI SELIDIK

Tahap perkhidmatan yang disediakan di Laman DBP(1/11/2014-sekarang)

- Sangat memuaskan
- Memuaskan
- Tidak memuaskan
- Sangat tidak memuaskan

[Undi](#)

[Keputusan](#)

PENGUNJUNG

HARI INI	27
SEMALAM	1718
BULAN INI	17473
JUMLAH PELAWAT	1009994

HUBUNGI KAMI

Dewan Bahasa dan Pustaka Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur.

Talian Utama: 03-2147 9000

Talian Pengesahan Iklan: 03-2147 9100/9200/9300

Aduan Permohonan Pengesahan Iklan/Teknikal/Bahasa:

[Klik di sini](#)

Faksimile: 03-2147 9601

E-mel: webmaster@dbp.gov.my

Tarikh Kemas kini: 10 September 2020

